

**Chua: BN perlu lebih agresif berdepan Pakatan  
Malaysiakini.com  
July 29, 2011**

BN tidak boleh lagi mengambil sikap defensif bila berhadapan dengan Pakatan memandangkan pihak lawan kini lebih agresif terutama dalam menunjuk jasa mereka kepada rakyat, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek.

Beliau berkata Pakatan Rakyat gemar menggunakan Selangor dan Pulau Pinang sebagai contoh mereka berjaya lebih-lebih lagi dalam hal kebajikan namun mereka lupa pada Kelantan dan Kedah yang jika dilihat dari segi prestasi di dua negeri itu, keadaan memang tidak memuaskan.

"Seharusnya, kalau nak rakyat buat perbandingan, bandingkan dulu Kelantan dengan Terengganu. Bandingkan usaha untuk kurangkan kadar kemiskinan, penyediaan peluang pekerjaan baru, usaha untuk tarik pelabur, usaha selesai masalah sosial di dua negeri itu.

"Yang kita tahu Kelantan sendiri banyak isu sosial, dadah, (penghidap) HIV pun ramai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen MCA Negeri Terengganu 2011 di Kuala Terengganu hari ini.

Katanya Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng berbangga dengan pembiayaan RM100 setahun kepada warga emas di negeri itu, sedangkan kerajaan persekutuan memperuntukkan RM300 sebulan kepada golongan miskin yang menelan kos RM440 juta setahun.

Dr Chua berkata sejak mengambil alih pentadbiran Pulau Pinang dan Selangor, pembangkang langsung tidak melaksanakan projek perumahan kos rendah untuk membantu golongan miskin.

"Dari segi promosi, mereka memang handal, tapi dari segi buat kerja, masih banyak yang perlu mereka tambahbaikkkan," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata pimpinan MCA perlu menjelaskan kepada akar umbi, apa yang dilakukan oleh kerajaan BN untuk menjaga kebajikan rakyat dan bukan hanya dilaksanakan pada musim pilihan raya sahaja.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata parti itu juga sudah sedia menghadapi pilihan raya umum ke-13 dengan menggerakkan jentera parti di seluruh negara.

"Setakat ini ia berjalan dengan baik, tapi ada yang masih perlu ditambah baik lagi. Kita yakin sokongan masyarakat Cina pada MCA tapi ia berbeza di setengah-setengah kawasan kerana pengundi Cina strategik, mereka juga menilai calon bukan parti semata-mata," katanya.

Katanya dari segi pembahagian kerusi pada pilihan raya nanti, MCA menyerahkan kepada kebijaksanaan Pengerusi BN yang juga Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak untuk menentukannya.

Pada masa yang sama, Dr Chua berkata Pengerusi MCA Terengganu yang juga ADUN Bandar, Datuk Toh Chin Yaw akan terus dipilih sebagai calon pada pilihan raya umum kali ini memandangkan beliau diterima baik masyarakat setempat selain mempunyai hubungan baik dengan kerajaan negeri.

- Bernama